

Tee Keat: MCA menuju status parti tidak relevan
The Malaysian Insider
01 Oktober , 2011
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 1 Okt — MCA sedang berubah menjadi sebuah parti yang tidak relevan, kata bekas presidennya Datuk Seri Ong Tee Keat ketika komponen Barisan Nasional (BN) tersebut mengadakan perhimpunan agung hujung minggu ini.

Ong memberitahu The Malaysian Insider dalam temu bual, gabungan BN itu tidak memperlihatkan pelaksanaan pembaharuan selepas ia hilang 25 daripada 40 kerusi Parlimen dan 59 daripada 80 kerusi Dewan Undangan Negeri yang ia tandingi pada pilihan raya umum 2008.

Katanya, MCA masih meneruskan polemik lama daripada membawa dan mengadakan pembaharuan yang diharapkan oleh para pengundi.

“Jika MCA terus menggunakan laluan dan jiwa yang lama, maka sudah pasti ia menuju situasi tidak relevan. Sesetengah sudah pun dengan terus-terang mengatakan bahawa kami sudah pun tidak relevan,” kata Ong yang ditewaskan oleh Datuk Seri Dr Chua Soi Lek ketika krisis kepimpinan parti itu 18 bulan yang lalu.

Ong, Ahli Parlimen Pandan, memberikan contoh kenyataan-kenyataan kosong dibuat oleh penggantinya, mahu keluar BN jika Umno melaksanakan hukum hudud dan tidak menyertai Kabinet ataupun menerima jawatan kerajaan jika parti tidak memperbaiki kedudukan dalam pilihan raya umum ke-13.

“Saya tidak melihat bagaimana ugutan beliau boleh memperbaiki parti dari kedudukan lama,” katanya lagi. Parti itu mengadakan perhimpunan agung tahunannya minggu ini sebelum negara menuju untuk mengadakan pilihan raya umum ke-13.

Meskipun mempunyai tiga presiden dalam tempoh beberapa tahun yang lalu, MCA didakwa terus kehilangan sokongan orang Cina, yang disaksikan pada siri pilihan raya kecil selepas Mac 2008.

Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi BN dan Perdana Menteri sedang cuba memikat balik sokongan orang Cina dengan memberikan sumbangan dan membuat siri pengumuman berkaitan masyarakat itu.

Ini termasuklah RM15 juta kepada sekolah-sekolah aliran Cina dan mengecualikan projek Community Chest yang diketuai oleh ahli perniaga Cina daripada cukai bagi menyalurkan RM100 juta kepada pendidikan vernakular.

“Najib sebagai ketua BN mengembangkan (pelaksanaan) inisiatif-inisiatif untuk memenangi pengundi Cina, mencetuskan soalan di umum, apa yang dilakukan oleh MCA?” kata Ong.

Katanya, MCA tidak boleh mengelak daripada melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebahagian daripada kerajaan meskipun Umno merupakan parti teras dalam kerajaan yang memerintah.

"Bagaimana mereka dapat menjustifikasikan kedudukan mereka sebagai menteri? Masyarakat Cina mahu padang permainan yang sama rata.

Menteri-menteri mesti mengatasi (elemen) kroni dan monopoli," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tee-keat-mca-menuju-status-parti-tidak-relevan/>